

08/09/1998

MB beri penerangan esok

KUALA SELANGOR, Isnin - Pengerusi Badan Perhubungan Selangor, Datuk Abu Hassan Omar akan memberi penerangan kepada ahli Umno bahagian Kuala Selangor berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Kabinet dan parti, Rabu ini.

Ketua Penerangan Umno bahagian, Datuk Jamluddin Adnan, berkata majlis penerangan itu akan berlangsung di asrama Pusat Bukit Malawati di sini, kira-kira jam 4 petang. Sekurang-sekurangnya 300 ahli dari 60 cawangan Umno bahagian dijangka hadir.

"Penerangan itu perlu bagi memberi gambaran sebenar apa berlaku supaya tidak ada ahli Umno bahagian itu mempertikai keputusan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penutup Hari Keluarga dan sambutan Jubli Perak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Kampung Tambak Jawa kira-kira 25 kilometer dari sini, malam tadi.

Majlis itu diadakan sempena menyambut Hari Kebangsaan ke-41.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jeram, Mesrah Selamat; Pegawai Daerah, Ishak Ahmad; dan Penghulu Mukim Jeram, Kamaruddin Abdul Rahman.

Jamaluddin yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor berharap setiap cawangan menghantar sekurang-kurangnya lima ahli dan jika boleh lebih daripada itu kerana lebih ramai hadir adalah lebih baik bagi mendengar penjelasan isu itu.

Katanya, selaku Ketua Penerangan yang mewakili Umno bahagian, beliau berdiri teguh dan menyokong kepemimpinan Presiden yang juga Perdana Menteri, Dr Mahathir serta Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar.

"Tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri adalah satu perkara yang amat berat, oleh itu kita yakin beliau (Perdana Menteri) sudah berfikir panjang sebelum melakukannya demi keselamatan bangsa, agama dan negara," katanya.

Beliau mahu rakyat terutama ahli Umno bertenang dan jangan sekali-kali melakukan sesuatu yang boleh memecahkan perpaduan.

Mengenai usaha yang dilakukan oleh JKKK Kampung Tambak Jawa, beliau berkata, kegiatan yang dijalankan oleh JKKK seperti mengadakan temasya sukan dan hari keluarga adalah langkah bijak kerana ia bukan saja mengisi kegiatan tahunan, tetapi juga dapat mengeratkan silaturahim di kalangan penduduk.

(END)